



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGAJARAN FIQH AL-AYAT KURIKULUM BERSEPADU TAHFIZ DI SEKOLAH
MENENGAH IMTIAZ TERENGGANU**

AH-LUQMAN AL-HAKIM BIN CHE ZAHARI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN ISLAM)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ..8...(hari bulan).....9..... (bulan) 20...25

i. Perakuan pelajar :

Saya, AH-LUQMAN AL-HAKIM BIN CHE ZAHARI, M20212003416, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGAJARAN FIQH AL-AYAT KURIKULUM BERSEPADU TAHFIZ DI SEKOLAH MENENGAH IMTIAZ TERENGGANU

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGAJARAN FIQH AL-AYAT KURIKULUM BERSEPADU TAHFIZ DI SEKOLAH MENENGAH IMTIAZ TERENGGANU

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

8/9/2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia
PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGAJARAN FIQH AL-AYAT KURIKULUM BERSEPADU TAHFIZ
DI SEKOLAH MENENGAH IMTIAZ TERENGGANU

No. Matrik / Matric's No.: M20212003416

Saya / I / : AH-LUQMAN AL-HAKIM BIN CHE ZAHARI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS



(Tandatangan Pelajar/ Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Copi Rasmi / Name & Official Stamp)
MOHAMMAD NORHISHAM BIN MUHAMMAD
Rasmi / Name & Official Stamp
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tarikh: 8/9/2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT atas limpah rahmat-Nya yang mempermudah saya menyiapkan kertas kerja ini. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW.

Setinggi penghargaan saya tujukan kepada penyelia dikasihi, Prof. Madya Dr. Norhisham bin Muhamad, atas bimbingan, nasihat dan dorongan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Segala tunjuk ajar beliau amat saya hargai.

Terima kasih yang tidak terhingga buat isteri tercinta, Ainun Mardhiah binti Musani, atas pengorbanan, doa dan semangat yang tidak pernah putus. Buat ayah, arwah ibu dan bonda tersayang, Che Zahari Che Nik, al-Marhumah Zuladaini binti Ghazali dan Dr. Nor Azlina binti Abd Aziz, terima kasih atas segala kasih sayang, doa dan inspirasi sejak kecil.

Akhir sekali, buat anak-anak kesayangan, Adhwa' Mawaddah, Usamah 'Abqariyy dan 'Abeer Rufaydah, kalian adalah sumber kekuatan dan cahaya inspirasi abi. Perjuangan abi dalam pendidikan adalah untuk kalian di masa akan datang. Semoga kalian membesar dalam rahmat dan berkat Allah SWT.

Alhamdulillah untuk segalanya.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengajaran Fiqh al-Ayat dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Sekolah Menengah Imtiaz Terengganu. Fiqh al-Ayat merupakan komponen penting dalam pendidikan tahfiz yang menekankan kefahaman terhadap ayat-ayat al-Quran, namun pelaksanaannya dilihat kurang diberi perhatian berbanding hafazan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual separa berstruktur, pengamatan dan analisis dokumen. Seramai lapan orang guru dari empat buah sekolah SM Imtiaz di Terengganu telah menjadi informan kajian. Hasil dapatan menunjukkan bahawa guru menggunakan pelbagai kaedah seperti syarahan, penceritaan, soal jawab dan dialog. Pendekatan deduktif dan tematik adalah paling dominan, disesuaikan mengikut konteks ayat dan tahap penguasaan pelajar. Strategi berpusatkan guru lebih kerap digunakan kerana ketiadaan silibus khusus dan keperluan memastikan penyampaian yang seragam. Walau bagaimanapun, terdapat usaha berpusatkan pelajar melalui aktiviti interaktif seperti permainan, perbincangan kumpulan dan penggunaan teknologi. Dapatan juga menunjukkan kelemahan dari aspek pentaksiran kefahaman pelajar dan kekurangan waktu pengajaran khusus bagi Fiqh al-Ayat. Kajian ini mencadangkan agar silibus khusus dibangunkan serta latihan pedagogi guru ditambah baik bagi menyokong pelaksanaan yang lebih berkesan. Implikasi kajian ini menunjukkan keperluan penstrukturan semula pengajaran Fiqh al-Ayat agar selari dengan objektif Kurikulum Bersepadu Tahfiz dan Falsafah Pendidikan Islam untuk melahirkan huffaz yang memahami, menghayati serta mengamalkan al-Quran dalam kehidupan.

Kata kunci: Fiqh al-Ayat, Kurikulum Bersepadu Tahfiz, gaya pengajaran, kefahaman al-Quran, SM Imtiaz





THE TEACHING OF FIQH AL-AYAT IN THE INTEGRATED TAHFIZ CURRICULUM AT SEKOLAH MENENGAH IMTIAZ TERENGGANU

ABSTRACT

This study aims to explore the teaching styles of Fiqh al-Ayat within the Integrated Tahfiz Curriculum (Kurikulum Bersepadu Tahfiz, KBT) at Sekolah Menengah Imtiaz in Terengganu. Fiqh al-Ayat plays a significant role in enhancing students' understanding of the Quranic verses they have memorised, yet its implementation is often overshadowed by a focus on memorisation alone. This qualitative study employed semi-structured interviews, observation, and document analysis as data collection methods. Eight teachers from four SM Imtiaz schools in Terengganu participated as informants. The findings reveal that teachers commonly utilise teaching methods such as lectures, storytelling, questioning, and discussion. Deductive and thematic approaches were the most dominant, tailored to the context of the verses and students' proficiency levels. Teacher-centred strategies were more prevalent due to the absence of a standard syllabus and the need for uniform delivery. Nonetheless, student-centred strategies were also applied through interactive activities such as group work, games, and the use of educational technology, including Kahoot and iPads. The study also found weaknesses in the assessment of students' understanding and a lack of dedicated instructional time for Fiqh al-Ayat. The findings suggest the need for a structured syllabus and enhanced teacher training to support more effective implementation. This study underscores the importance of restructuring Fiqh al-Ayat instruction to align with the objectives of the KBT and the Islamic Education Philosophy, aiming to produce huffaz who not only memorise the Quran but also comprehend, internalise, and apply its teachings in daily life.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN

PENGHARGAAN

i

ABSTRAK

ii

ABSTRACT

iii

KANDUNGAN

iv

SENARAI RAJAH

vi

SENARAI SINGKATAN

vii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

1

1.2 Latar Belakang Kajian

3

1.3 Pernyataan Masalah

6

1.4 Tujuan Kajian

9

1.5 Objektif Kajian

10

1.6 Soalan Kajian

11

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

12

1.8 Batasan Kajian

14

1.9 Kepentingan Kajian

15

1.10 Penutup

17

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

18

2.2 Pengenalan Tahfiz Model Ulul Albab

19

2.3 Kurikulum Bersepadu Tahfiz

20

2.4 Pembelajaran Fiqh al-Ayat

21

2.5 Kajian-kajian Lepas

24

2.6 Penutup

29



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	30
3.2	Metode Pengumpulan Data	31
3.3	Metode Analisis Data	32
3.4	Penutup	34

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	35
4.2	Kaedah Pengajaran Fiqh al-Ayat	36
4.3	Pendekatan Pengajaran Fiqh al-Ayat	38
4.4	Strategi Pengajaran Fiqh al-Ayat	43
4.5	Teknik Pentaksiran Fiqh al-Ayat	46
4.6	Penutup	50

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	52
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	53
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	56
5.4	Cadangan Penambahbaikan	59
5.5	Penyelidikan Lanjutan	61
5.6	Penutup	62

RUJUKAN		63
----------------	--	-----------



SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian	17
-----------	----------------------------	----

SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
DQ	Darul Quran
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Pelajaran
FPI	Falsafah Pendidikan Islam
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBT	Kurikulum Bersepadu Tahfiz
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MITTIS	Maahad Integrasi Tahfiz Sains
PAK-21	Pembelajaran Abad Ke-21
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PLC	Professional Learning Community
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TMUA	Tahfiz Model Ulul Albab
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



BAB 1

PENGENALAN



1.1 PENDAHULUAN

Pendidikan tahfiz mula berkembang sebagai salah satu prospek dan penyumbang kepada pembangunan negara. Pendidikan tahfiz ini memberi kesan yang mendalam kepada sistem pendidikan negara sehingga wujudnya kurikulum yang baharu iaitu Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang dibina selari dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu pendidikan di Malaysia adalah salah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada keimanan dan kepatuhan kepada Tuhan.





Secara asasnya, pembangunan pendidikan tahfiz bukan sahaja akan melahirkan individu menghafaz al-Quran tetapi mempunyai kefahaman yang baik berkaitan hukum-hukum bacaan, pendidikan Ulum al-Quran dan memahami ayat-ayat al-Quran serta berusaha mengaplikasikan dalam kehidupan seharian. Oleh sebab itu, selain hafazan al-Quran dan ilmu Maharat, Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) juga menitik beratkan tentang kefahaman al-Quran melalui pembelajaran Fiqh al-Ayat yang secara dasarnya wujud didalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

Hal ini sangat bertepatan dengan firman Allah S.W.T dalam Surah Saad, ayat 29 :

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya : *Al-Quran ini adalah sebuah kitab yang kami turunkan kepadamu penuh dengan berkah supaya mereka memerhatikan ayat-ayat-Nya, dan supaya mendapat pelajaran orang-orang yang mempunyai fikiran.*

Jika difahami berdasarkan firman Allah S.W.T dalam surah Saad, ayat 29, Allah S.W.T menyuruh hamba-Nya memerhatikan ayat-ayat-Nya dengan memahami dan mentadabbur ayat al-Quran itu serta menjadikan ia sebagai pengajaran dan hikmah dalam kehidupan. Oleh itu, adalah tidak wajar bagi seorang penghafaz al-Quran hanya membaca dan menghafaz serta mengingat melalui ulangan hafazan pada setiap hari, tetapi tidak memahami isi kandungan ayat al-Quran yang dihafaz dan tidak mengaplikasikan dalam kehidupan.

Selain itu juga, bagi mendapatkan kefahaman al-Quran yang betul, penghafaz al-Quran perlu mempelajari kaedah yang tepat bagi memahami isi kandungan ayat al-Quran yang dibincangkan agar tidak tergelincir daripada objektif asal ayat al-Quran diturunkan. Tambahan





pula, Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) tidak mempunyai satu silibus yang khusus terhadap pembelajaran Fiqh al-Ayat seperti mana ilmu Maharat yang mempunyai buku teks dan rujukannya yang tersendiri.

Hal ini akan menyebabkan, wujudnya kepelbagaian kaedah dalam memahami ayat al-Quran dan sekaligus akan memberi kesan kepada lahirnya objektif dan kefahaman yang berbeza. Justeru itu, kajian ini akan mengkaji, dan meneliti serta menganalisis kaedah-kaedah pembelajaran Fiqh al-Ayat dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz dan pengaruhnya kepada tahap kefahaman pelajar.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN



Desawarsa ini, kesedaran umat Islam di Malaysia terhadap kepentingan dan kelebihan menghafaz al-Quran telah mendorong ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke institusi tahfiz bagi merealisasikan impian mereka untuk melahirkan anak yang menghafaz al-Quran. Hal ini memberi kesan kepada pembinaan institusi-institusi tahfiz yang bagai cendawan tumbuh selepas hujan sama ada di bawah kelolaan Kerajaan Pusat, Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, NGO atau institusi tahfiz persendirian dan swasta.

Bahkan pada tahun 2014, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membangunkan Model Ulul Albab di sekolah-sekolah terpilih dengan menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan pelaksanaannya telah diperluas ke sekolah-sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) pada tahun berikutnya. Tidak ketinggalan juga, sebelum wujudnya Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT), Majlis Amanah Rakyat (MARA) juga mewujudkan Program Tahfiz Ulul Albab di tujuh buah Maktab Rendah Sains MARA





(MRSM).

Masyarakat dan media arus perdana sudah mula membincangkan dan memperkatakan tentang kecemerlangan pelajar aliran tahfiz ini sekitar tahun 2004 selepas Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat, Pulau Chondong, Kelantan berjaya menempatkan diri mereka di persada Malaysia sehingga mendapat pengiktirafan Sekolah Agama Negeri Cemerlang Malaysia dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2003. Kesannya, pendidikan tahfiz al-Quran ini berkembang dan mempengaruhi kewujudan metode pengajaran melalui Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT), Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA), Karantina Tahfiz dan sebagainya (Abdul Halim Tamuri, 2019)

Tambahan pula, pada 28 Jun 2016, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara telah dipersetujui secara dasar dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali ke-61. Majlis Raja-Raja Kali ke-247 juga telah memperkenalkan dasar ini pada 11 Oktober 2017. Dasar ini adalah merupakan usaha penyelarasan pengurusan pendidikan tahfiz di pelbagai peringkat dan mengambil kira Dasar Pendidikan Kebangsaan. (JAKIM, 2018).

Dasar Pendidikan Tahfiz Negara juga adalah merupakan dasar yang seiring dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) iaitu dengan menuruti Falsafah Pendidikan Negara yang menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepada keimanan dan kepatuhan kepada Tuhan.





Selain itu, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara juga bertepatan dengan kehendak Falsafah Pendidikan Islam iaitu satu usaha berterusan untuk menyampai ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Oleh itu, bagi memenuhi hasrat dan objektif yang wujud dalam Dasar Pendidikan Tahfiz Negara, Falsafah Pendidikan Negara, Falsafah Pendidikan Islam, dan Falsafah Pendidikan Tahfiz, satu kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji iaitu “Pengajaran Fiqh Al-Ayat Kurikulum Bersepadu Tahfiz di Sekolah Menengah Imtiaz Terengganu”.



Pembelajaran Fiqh al-Ayat adalah merupakan salah satu pembelajaran yang terkandung di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) melalui Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Ia bertepatan dengan kehendak Falsafah Pendidikan Tahfiz (FPT) iaitu satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu untuk membaca, menghafaz, dan memahami al-Quran, yang mampu menggabungkan ilmu naqli dan aqli serta mengaplikasikannya dalam kehidupan melalui pendidikan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan keimanan kepada Allah SWT untuk melahirkan generasi al-Quran yang menyumbang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan ummah. (JAKIM, 2018)

Oleh itu, pengajaran Fiqh al-Ayat ini perlu dikaji dan dianalisis bagi menilai tahap keberkesanan dalam pengajaran terhadap kefahaman pelajar bagi mencapai hasrat Falsafah





Pendidikan Tahfiz yang menginginkan penghafaz tahfiz memahami al-Quran dan mampu menjadi sumber ilmu naqli dan aqli serta mengaplikasikan dalam kehidupan. Selain itu, penghafaz al-Quran yang memahami al-Quran juga mampu memainkan peranan dengan menyumbang kepada pembangunan negara dan juga masyarakat.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Fiqh al-Ayat adalah merupakan bidang yang terkandung di dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Hifz al-Quran. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Hifz al-Quran ini memberi penekanan kepada aspek ilmu, amali, amalan, penghayatan dan pembudayaan. Melalui mata pelajaran Hifz al-Quran, murid akan dibimbing untuk menghafaz dan memahami kandungan al-Quran. Murid bukan sekadar difokuskan kepada hafazan sahaja malah mereka dididik untuk mengamal dan menghayati ilmu yang dipelajari (DSKP, 2017).

Berpandukan kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM Hifz al-Quran, dua bidang yang diberikan penekanan iaitu bidang Hifz al-Quran dengan berfokuskan kepada menghafaz 30 Juzuk al-Quran dan bidang Fiqh al-Ayat bagi penerapan kefahaman maksud ayat al-Quran pilihan dalam Bahasa Melayu (DSKP, 2017).

1.3.1 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)

Berdasarkan kepada organisasi kandungan DKSP KSSM Hifz al-Quran, pengkaji berpandangan bahawa kandungan Fiqh al-Ayat perlu diperluaskan lagi dan bukan hanya





sekadar kefahaman maksud ayat dengan Bahasa Melayu sahaja. Hal ini adalah bagi menerapkan kefahaman secara menyeluruh dalam kehidupan seharian murid, bermula kefahaman maksud ayat secara literal, pengetahuan ilmu al-Quran seperti Asbab al-Nuzul, penggunaan kalimah dalam al-Quran, Ayat al-Ahkam dan sebagainya sehingga kepada mampu mengaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Selain itu, pembelajaran Fiqh al-Ayat juga tidak mempunyai silibus yang khusus, sebagaimana pembelajaran Maharat al-Quran. Pembelajaran yang berlaku hanya berdasarkan kepada pemahaman dan kaedah atau gaya tersendiri daripada guru sahaja. Hal ini menyebabkan pengajaran Fiqh al-Ayat tidak selari diantara halaqah atau kelas tasmik. Bahkan penilaian tahap penguasaan dan kefahaman pelajar tidak dapat diukur dengan baik.

1.3.2 Pengajaran dan Pembelajaran (PDP)



Dapatan Pemeriksaan Penarafan Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di Kedah mendapati pembelajaran berkaitan bidang Fiqh al-Ayat tidak dilaksanakan secara konsisten sebagaimana yang terkandung dalam KSSM Hifz al-Quran (Siti Khadizah dan Ahmad Yussuf, 2021).

Kajian lepas juga mendapati bahawa guru hanya memberikan tumpuan kepada hafazan murid dan kemahiran seperti tilawah, tajwid, adab al-Quran, manhaj al-Quran dan Rasm al-Uthmani sahaja. Selain itu juga, guru didapati kurang mengaitkan secara bersepadu dan perkaitan antara ilmu al-Quran yang dipelajari dengan kehidupan seharian (Siti Khadizah dan Ahmad Yussuf, 2021).





Dengan melihat kepada isu-isu yang timbul, pengkaji ingin mengetahui adakah objektif KSSM Hifz al-Quran tercapai melalui bidang Fiqh al-Ayat sebagaimana kehendak aspek yang terkandung di dalam DSKP KSSM Hifz al-Quran iaitu ilmu, amali, amalan, penghayatan dan kebudayaan.

Pengkaji juga ada melakukan temu bual awal bersama seorang alumni TMUA di negeri Terengganu yang mengatakan bahawa, pembelajaran Fiqh al-Ayat kurang mendapat bimbingan daripada guru. Hal ini menyebabkan Fiqh al-Ayat perlu dipelajari sendiri oleh pelajar tersebut bahkan kurang membantu kemenjadian murid dan pembentukan akhlak ke arah lebih baik.

Selain itu juga, melalui hasil perbincangan bersama seorang guru di salah sebuah sekolah TMUA di negeri Terengganu mendapati bahawa, sebenarnya pembelajaran Fiqh al-Ayat ini dijalankan ketika kelas tasmik pada Hari Khamis atau Hari Jumaat sahaja. Walaubagaimanapun, ada beberapa ketika pembelajaran tidak dapat dijalankan jika pelajar tidak dapat tasmik tepat waktunya dan belum mencapai target muqarar yang disasarkan.

Beliau berpandangan bahawa, Fiqh al-Ayat ini memerlukan waktu pembelajaran yang khusus dan berasingan diluar waktu tasmik hafazan pelajar. Selain itu, sekolah juga jarang melaksanakan Professional Learning Community (PLC) bagi menyatupadukan kefahaman guru dalam pembelajaran Fiqh al-Ayat. Hal ini menjadi faktor kepada kewujudan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berbeza objektifnya.





1.3.3 Kekurangan Kajian berkaitan Fiqh al-Ayat

Bertitik tolak daripada isu-isu yang wujud dalam kajian-kajian yang lepas, soal selidik dan kekurangan kajian-kajian yang lebih menyeluruh tentang Fiqh al-Ayat dan Kefahaman al-Quran dalam perbincangan isu pendidikan tahfiz di Malaysia menjadi faktor bahawa satu kajian yang lebih mendalam yang berkaitan sangat diperlukan. Oleh itu, pengkaji berminat untuk menjalankan kajian berkaitan “Pengajaran Fiqh Al-Ayat Kurikulum Bersepadu Tahfiz di Sekolah Menengah Imtiaz Terengganu”.

Kajian ini akan dijalankan di sekolah-sekolah IMTIAZ di Negeri Terengganu bagi mendapatkan gambaran dan jawapan kaedah pengajaran Fiqh al-Ayat. Kajian ini adalah berdasarkan kepada andaian bahawa gaya pengajaran Fiqh al-Ayat oleh guru adalah berbeza dari sudut kaedah pengajaran, pendekatan, strategi dan juga teknik baik secara teori dan juga amalan dalam kelas pembelajaran.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis pengajaran Fiqh al-Ayat di Sekolah Menengah IMTIAZ Terengganu bagi mendapatkan pengajaran dari sudut kaedah pengajaran, pendekatan, strategi dan juga teknik baik secara teori dan juga amalan dalam kelas pembelajaran.





1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian hendaklah boleh diukur dengan alat kajian (Robinson & Lai, 2006). Objektif yang dibina adalah berpandukan kepada permasalahan yang dapat dikenalpasti melalui dapatan kajian sebelum ini atau melalui tinjauan awal yang telah dianalisis. Berikut adalah merupakan beberapa objektif yang menjadi sasaran kepada kajian yang akan dilakukan :

1. Meneroka kaedah pengajaran Fiqh al-Ayat dalam kalangan guru Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT).
2. Meneliti pendekatan pengajaran Fiqh al-Ayat dalam kalangan guru Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT).
3. Mengenal pasti strategi pengajaran Fiqh al-Ayat dalam kalangan guru Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) bagi mencapai kefahaman kepada pelajar.
4. Mengkaji teknik pentaksiran pengajaran Fiqh al-Ayat dalam kalangan guru Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) bagi mengenal pasti kefahaman pelajar.






1.6 SOALAN KAJIAN

Berikut adalah merupakan persoalan kajian :

1. Apakah kaedah pengajaran Fiqh al-Ayat dalam kalangan guru Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)?
2. Apakah pendekatan pengajaran Fiqh al-Ayat dalam kalangan guru Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)?
3. Apakah strategi pengajaran Fiqh al-Ayat dalam kalangan guru Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) bagi mencapai kefahaman kepada pelajar?
4. Apakah teknik pentaksiran pengajaran Fiqh al-Ayat dalam kalangan guru Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) bagi mengenal pasti kefahaman pelajar?



1.7 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk melihat keseluruhan aspek yang dikaji dalam kajian ini. Kerangka konseptual kajian yang dibina, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang telah disusun oleh Kamarul Azmi dan Ab Halim Tamuri (2007).

Kaedah pengajaran perlu dipertingkatkan bagi memastikan pelajar dapat melalui proses kefahaman yang sepatutnya. Kamarul Azmi dan Ab. Halim Tamuri (2007) telah menyusun beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran berkaitan kefahaman al-Quran. Berikut adalah merupakan beberapa kaedah yang telah disusun yang membantu keberkesanan dalam proses pembelajaran berkaitan kefahaman al-Quran :

- a) Kaedah Syarahan dan Kuliah
- b) Kaedah Dialog dan Perbincangan



- c) Kaedah Bercerita
- d) Kaedah Soal Jawab
- e) Kaedah Analisis
- f) Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah
- g) Kaedah Tamrin dan Latihan

Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan akan melahirkan kefahaman yang baik dan menimbulkan penghayatan dalam diri pelajar, sekaligus akan dapat membentuk tingkah laku dan peribadi huffaz yang unggul. Hal ini dapat dikuatkan lagi dengan dalil naqli daripada hadis Nabi S.A.W, “*Bahawasanya aku ini diutus untuk menyempurnakan akhlak*”, (Riwayat Ahmad, al-Hakim dan Baihaqi).

Melalui hadis ini, kita dapat fahami bahawa, antara tugas Rasulullah S.A.W yang membawa risalah al-Quran ini adalah untuk memperbetulkan akhlak manusia dan membina tamadun yang berjaya melalui kefahaman agama dan al-Quran. Selain pembinaan akhlak dijadikan sebagai agenda pembinaan tamadun, tidak terpinggir juga hakikat seorang hamba yang perlu ditanam dalam diri manusia agar menimbulkan kekhusyukan dalam beribadah. Hal ini dengan berdasarkan kepada firman Allah S.W.T dalam Surah al-Zaariyat, ayat 56 :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya : *Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepadaku*





1.8 BATASAN KAJIAN

Kajian terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran Fiqh al-Ayat masih kurang dijalankan. Hasil tinjauan literatur, pengkaji mendapati beberapa kajian sahaja yang mempunyai hubungkait dengan pengajaran dan pembelajaran Fiqh al-Ayat Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) iaitu Pelaksanaan Fiqh Ayat Kurikulum Bersepadu Tahfiz : Analisis Penguasaan Pelajar dan Keberkesanannya Terhadap Hafazan Al-Quran di MITTIS Sabak Bernam (2022).

Selain itu, kajian umum telah dijalankan dan tidak membataskan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran Fiqh al-Ayat serta Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) seperti kajian berkaitan Keutamaan Amalan Tadabbur al-Quran terhadap Pelajar Tahfiz telah dijalankan oleh Maisarah Thulhuda (2018).



Selain itu, Azmil Hashim, Nazirul Izzati dan Marzuqi (2018) juga telah menjalankan satu kajian berkaitan strategi Pengajaran Tafsir al-Quran dalam kalangan Guru Pendidikan Islam. Disamping itu juga, terdapat kajian yang dijalankan oleh Musliza, Mokmin dan Sedek Ariffin (2016) yang melaksanakan kajian berkaitan Gaya Pembelajaran Pelajar Dalam Proses Hafazan dan Kefahaman Makna al-Quran : Satu Tinjauan.

Justeru itu, berdasarkan kepada pernyataan masalah dan objektif kajian, pengkaji ingin membataskan kajian ini kepada Kaedah Pembelajaran Fiqh al-Ayat dan juga disasarkan kepada pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di Malaysia. Hal ini kerana, pengkaji merasakan timbul beberapa masalah dan isu perlu diperbetulkan dan dibaiki yang telah dibincangkan di pernyataan masalah. Masalah dan isu ini serba sedikit memberi kesan kepada pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) dan kurang memberi impak kepada pembangunan tahfiz.





1.9 KEPENTINGAN KAJIAN

Setiap kajian yang dilaksanakan pasti mempunyai kepentingan dan akan memberi faedah yang baik kepada pengkaji dan juga pihak-pihak tertentu. Melalui konteks kajian ini, pengajaran Fiqh al-Ayat di sekolah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) berada dalam keadaan yang kurang diberi perhatian berdasarkan isu-isu yang timbul melalui temubual yang dijalankan oleh pengkaji terhadap pelajar dan guru TMUA itu sendiri serta melalui beberapa kajian yang telah dijalankan. Oleh itu, jika kajian ini dapat dijalankan, ia akan memberi impak yang positif serta membantu pihak-pihak tertentu dalam membangunkan pengajaran dan pembelajaran Fiqh al-Ayat dengan lebih berkesan.

1.9.1 Kepentingan terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)



Kajian ini akan membantu menyalurkan dapatan maklumat yang penting kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai penggubal dasar yang menentukan hala tuju pendidikan negara. Berdasarkan kepada konteks kajian, dapatan kajian akan membantu KPM dalam menyelaraskan dan mengemaskini penyusunan program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) agar dapat dijalankan dengan lebih efektif dan memberi kesan kepada pemahaman pelajar dalam subjek Fiqh al-Ayat sesuai dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara dan juga Falsafah Pendidikan Islam.

Selain itu, dapatan ini juga akan membantu untuk membangunkan silibus yang berkaitan Fiqh al-Ayat agar lebih tersusun dan mempunyai kepentingan untuk kegunaan di peringkat sekolah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Melalui pembangunan silibus ini, akan membantu guru dan juga pelajar dalam mempelajari Fiqh al-Ayat dengan lebih tersusun dan





akan meningkatkan kualiti dan kefahaman pembelajaran. Disamping itu, ia akan memberi kesan yang baik kepada pembangunan pendidikan tahfiz di negara dengan menyeimbangkan di antara hafalan al-Quran dan juga kefahaman al-Quran.

1.9.2 Kepentingan terhadap pihak sekolah

Mempunyai kaedah pembelajaran yang terbaik dalam Fiqh al-Ayat akan memberi kesan yang positif kepada prestasi sekolah dan kemenjadian pelajar. Prestasi sekolah akan meningkat baik dengan wujudnya kefahaman dan penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar. Melalui kefahaman dan penghayatan ini, pelajar akan membentuk suasana yang soleh di sekolah dan sekaligus akan menaikkan nama sekolah yang berperibadi tinggi. Kebiasaan ibu bapa juga akan mendaftarkan anak-anak di sekolah yang mempunyai suasana yang soleh selain memberi fokus kepada hafazan pelajar.



1.9.3 Kepentingan terhadap guru

Guru merupakan individu terpenting dalam pendidikan di sekolah. Tanpa bimbingan guru, pelajar tidak akan dapat kefahaman yang lebih mendalam. Guru sangat menyumbang kepada khazanah ilmu untuk diri pelajar. Oleh itu, melalui kajian ini, akan membantu guru untuk meneroka pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan untuk kefahaman dan penghayatan pelajar.

Selain itu, kajian ini juga akan memudahkan guru untuk menganalisis kefahaman pelajar melalui silibus yang tersusun. Oleh itu, dengan adanya kaedah dan silibus yang tersusun, akan memudahkan guru menyusun pelbagai program kecemerlangan dan kefahaman





al-Quran kepada pelajar. Adalah menjadi satu keperluan kajian ini dilaksanakan bagi membantu guru-guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

1.10 PENUTUP

Bab ini membincangkan tentang persoalan kajian dan objektif kajian dengan menghuraikan keperluan dan kepentingan untuk menjalankan kajian ini. Selain itu, kajian ini perlu dilakukan bagi menyelesaikan isu dan pernyataan masalah yang berbangkit untuk memastikan keberkesanan pembelajaran Fiqh al-Ayat berada pada tahap yang baik. Oleh itu, satu kerangka konsep kajian telah direkabentuk untuk menjelaskan pemboleh ubah yang dikaji. Pada bab seterusnya pula, penyelidik membincangkan berkaitan literatur berkaitan skop kajian yang dijalankan.

